

14 MEI 2018

## ATM rampas daun ketum lagi

16 NEGARA!

KOSMO! ISNIN 14 MEI 2018

# Tujuh guni barang terlarang seberat 170kg cuba diseludup ke negara jiran **ATM rampas daun ketum lagi**

Oleh ZAID MOHD. NOOR

**ALOR SETAR** – Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui Pasukan Rondaan Batalion Kedua Rejimen Renjer Diraja (2RRD) merampas 170 kilogram (kg) daun ketum bernilai RM15,300 kira-kira pukul 9.30 pagi kelmarin.

Panglima 6 Briged, Brigadier Jeneral Abdul Aziz Ismail berkata, pasukan tersebut menemui tujuh guni berwarna putih yang mengandungi daun ketum.

Katanya, kesemua daun ketum itu dipercayai cuba

diseludup ke negara jiran berhampiran Pos Sahara, Padang Terap dekat sini.

“Hasil pemeriksaan berjaya merampas lebih kurang 1,500 ikat daun ketum seberat 170kg dengan anggaran nilai RM15,300.

“Bagaimanapun tiada tangkapan dilakukan pada rampasan daun ketum itu,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Abdul Aziz, penyeludupan daun ketum ke negara jiran ini semakin berleluasa disebabkan permintaan dan harga yang tinggi di pasaran iaitu kira-kira RM90 sekilogram.



ANGGOTA pasukan rondaan 2RRD menunjukkan daun ketum yang ditemui dalam guni berwarna putih dipercayai untuk diseludup ke negara jiran ketika melakukan rondaan di sekitar kawasan berhampiran Pos Sahara, Kuala Nerang semalam.

### ATM rampas 200kg daun ketum

KUALA NERANG: Anggota pasukan rondaan Batalion Kedua Rejimen Renjer Diraja (2RRD) merampas 200 kilogram (kg) daun ketum bernilai RM18,000 kira-kira pukul 9.30 pagi kelmarin.



KERATAN Kosmo!  
11 Mei 2018.